

KUASA DAN HAD PENARIKAN KES OLEH PENDAKWA SYARIE: SUATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF ACARA JENAYAH SYARIAH
POWER AND LIMITS OF WITHDRAWAL OF CASES BY SYARIE PROSECUTORS: A REVIEW FROM THE PERSPECTIVE OF SYARIE CRIMINAL PROCEDURE

Nurul Shafiqah Mohd Azman¹ Mohammad Ramzi Zakaria²

Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Pendakwa Syarie merupakan individu penting dalam sesebuah prosiding Jenayah Syariah. Beliau mempunyai kuasa untuk memulakan, memberhentikan dan meneruskan sesuatu prosiding jenayah di Mahkamah Syariah sebagaimana yang termaktub dalam peruntukan Akta dan Enakmen negeri masing-masing. Kuasa yang diberikan kepada pihak pendakwaan ini tidak bersifat mutlak namun masih bergantung kepada budi bicara dan kebenaran mahkamah yang bertindak sebagai mekanisme kawalan bagi memelihara keadilan dalam undang-undang Jenayah Syariah. Penulisan ini akan membincangkan mengenai konsep penarikan kes oleh pendakwa Syarie, had kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang, justifikasi penarikan kes oleh Pendakwa Syarie dan implikasi penarikan kes oleh Pendakwa Syarie terhadap OKT. Kajian mengenai isu ini menggunakan pendekatan doktrinal melalui tinjauan literatur daripada kajian-kajian terdahulu, di samping analisis terhadap peruntukan statut dan kes-kes mahkamah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa keputusan penarikan kes dibuat bukan atas dasar kepentingan sesuatu pihak tetapi dibuat dengan justifikasi yang kukuh antaranya kesilapan dalam teknikal prosedur siasatan, kelemahan dalam pembuktian elemen pertuduhan, representasi yang diberi oleh Peguam Syarie OKT dan masalah dalam pentadbiran keadilan Jenayah Syariah. Implikasi dari penarikan kes ini membawa kepada pelepasan dan pembebasan (DAA) atau pelepasan tanpa pembebasan (DNAA) terhadap OKT.

Katakunci: pendakwa syarie, jenayah syariah, penarikan kes, had dan kuasa, keadilan.

Abstract

The Syarie Prosecutor is a key individual in Sharia criminal proceedings. He is empowered to initiate, discontinue, and continue criminal proceedings in the Syariah Court, as provided under the provisions of the respective state Enactments and Acts. The authority granted to the prosecution is not absolute but is subject to discretion and the approval of the court, which serves as a mechanism of control in safeguarding justice within the Sharia criminal justice system. This paper discusses the concept of case withdrawal by the Syarie Prosecutor, the limits of

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*Corresponding Author: Nurul Shafiqah binti Mohd Azman, Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah, Malaysia

Email:
nurulshafiqah.mohdazman@gmail.com

*such authority under the law, the justifications for case withdrawal by the Syariah Prosecutor, and the implications of such withdrawal on the accused (OKT). The study of this issue adopts a doctrinal approach through a literature review of previous studies, as well as an analysis of statutory provisions and relevant case law. The findings of the study indicate that the decision to withdraw a case is not made based on the interests of any particular party, but rather is supported by strong justifications, including technical procedural errors in the investigation, weaknesses in proving the elements of the charge, representations made by the accused's Syariah lawyer, and considerations of *maslahah* (public interest) in the administration of justice within the Sharia criminal system. The implications of such withdrawal may result in either an acquittal and discharge (DAA) or a discharge not amounting to acquittal (DNAA) of the accused.*

Keywords: syariah prosecutor, syariah crime, case withdrawal, rights and powers, justice.

PENGENALAN

Pendakwaan terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan merupakan suatu proses yang rumit dan mencabar (A.Aziz, 2016). Pendakwaan merupakan proses yang perlu dijalankan dengan teliti dan cekap. Ini kerana, pendakwaan yang dibuat secara sambil lewa dan tidak teliti boleh menjejaskan hak dan kebebasan individu yang terbabit juga boleh menggugat keunggulan institusi kehakiman itu sendiri. Dalam konteks acara jenayah syariah, pendakwaan di Mahkamah Syariah berpandukan tiga undang-undang utama iaitu, Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Ismail, 2024). Ketiga-tiga undang-undang ini harus dikuasai dengan baik, bagi membolehkan suatu prosiding jenayah itu dijalankan secara adil.

Apabila menyebut mengenai proses pendakwaan, terdapat seorang individu yang memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada sesuatu kes itu boleh atau tidak untuk dibawa ke mahkamah. Individu tersebut adalah Ketua Pendakwa Syariah. Ketua Pendakwa Syariah mempunyai kuasa menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan dan memberhentikan sebarang prosiding bagi sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah (Aziz, 2019). Tanpa beliau, sesuatu prosiding jenayah itu tidak akan berlangsung sama sekali. Bahkan, seorang Pendakwa Syariah memikul tugas yang besar dalam memastikan proses pendakwaan dapat dijalankan. Penelitian terhadap segenap aspek siasatan, bukti dan keterangan perlu dibuat bagi membolehkan pertuduhan dibuat ke atas seseorang individu dan mengelakkan berlakunya sikap prejudis dan ketidakadilan terhadap mana-mana pihak.

Namun dalam sesetengah keadaan, pihak pendakwaan mempunyai budi bicara dan kuasa yang besar dalam menarik balik sesuatu kes sama ada sebelum mahupun setelah prosiding berjalan. Justifikasi penarikan kes ini akan dinilai secara teliti merangkumi segenap aspek sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh Pendakwa Syariah. Persoalannya sejauh manakah had dan kuasa pendakwa syariah dalam mengambil keputusan untuk menarik balik sesuatu kes? Apakah justifikasi yang diambil oleh pihak pendakwaan sebelum membuat keputusan ini?

OBJEKTIF

1. Menjelaskan konsep penarikan kes oleh Pendakwa Syarie dalam undang-undang Jenayah Syariah.
2. Menganalisis peruntukan had kuasa undang-undang yang memperuntukkan kuasa penarikan kes kepada Pendakwa Syarie.
3. Mengenal pasti justifikasi Pendakwa Syarie dalam menarik balik kes.
4. Menganalisis kes-kes semasa yang berkait dengan penarikan kes oleh Pendakwa Syarie.
5. Mengenal pasti implikasi penarikan kes oleh Pendakwa Syarie terhadap OKT

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metod kualitatif berasaskan kaedah doktrinal dengan menumpukan kepada kajian keperustakaan serta analisis statut dan kes-kes mahkamah yang berkaitan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Penarikan Kes

Pendakwaan merujuk kepada salah satu prosiding undang-undang di mana seseorang tertuduh didakwa kerana melakukan kesalahan jenayah dan boleh dijatuhkan hukuman setelah disabitkan kesalahan (Malaysia P. K., 2026). Prosiding ini merupakan suatu proses yang memerlukan kepada persiapan dan perancangan yang teliti sebelum Pendakwa Syarie membawa kes ke gelanggang pendakwaan. Proses ini tidak boleh diambil remeh kerana kesilapan pihak pendakwaan dalam memutuskan sama ada hendak mendakwa ataupun tidak mendakwa boleh memberi impak yang besar kepada perjalanan kehidupan seseorang yang kena tuduh (OKT) juga kepada pihak-pihak lain.

Dalam memastikan pihak pendakwaan dapat menjalankan tugas dengan baik dan menjunjung nilai keadilan dalam sistem kehakiman Syariah di Negara ini, seseorang Pendakwa Syarie diberikan kuasa untuk mengendalikan sepenuhnya prosiding pendakwaan termasuklah membuat keputusan untuk meneruskan atau menarik balik kes. Dalam konteks acara jenayah Syariah, penarikan kes merujuk kepada keputusan Pendakwa Syarie untuk tidak meneruskan pendakwaan ke atas OKT yang juga membawa maksud tiada apa-apa pertuduhan yang akan dikenakan ke atas OKT.

Ruang bagi penarikan kes ini merupakan suatu manifestasi kepada penolakan sikap prejudis terhadap OKT setelah pihak pendakwaan menilai secara menyeluruh segala aspek yang menjadi justifikasi dalam membuat keputusan tersebut. Pendekatan ini selaras dengan kaedah *Fiqh* yang menyebut:

الأصلُ بَرَاءَةُ الدِّمَّةِ

Maksud: *Pada asalnya seseorang itu kosong dari sebarang tanggungjawab.*

Kaedah *Fiqh* ini menjelaskan bahawa seseorang itu bebas dari sebarang pertuduhan sehingga terbukti perbuatan jahatnya (Yahya, 2021). Ini bermakna sekiranya pendakwa menyatakan dakwaan terhadap seseorang dan tiada keterangan yang mencukupi bagi membuktikan dakwaan tersebut, maka kaedah menarik balik kes adalah menepati kaedah *Fiqh* ini. Walau bagaimanapun keputusan untuk menarik balik kes juga bergantung kepada budi bicara Pendakwa Syarie dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut berpandukan had kuasanya dan prinsip keadilan Syariah agar tidak menjejaskan kepentingan mana-mana pihak. Oleh yang demikian, peruntukan undang-undang yang berkaitan perlu dianalisis bagi memahami sejauh mana kuasa tersebut boleh diguna pakai.

Had dan Batasan Kuasa Pendakwa Syarie Dalam Menarik Balik Kes

Ketua Pendakwa Syarie mempunyai kuasa untuk mengawal penuh prosiding jenayah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 180 Akta Tatacara Jenayah Syariah (ATJS) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) yang memperuntukkan bahawa:

“Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kawalan dan arahan ke atas segala pendakwaan dan prosiding jenayah di bawah akta ini.”

Frasa *‘kawalan dan arahan’* secara umum membawa makna bahawa sesuatu perkara itu berada di bawah bidang kuasa seseorang dan mana-mana pihak tidak boleh bertindak kecuali setelah mendapat kebenaran dari pihak yang berautoriti tersebut. Manakala frasa *‘segala pendakwaan dan prosiding jenayah’* merangkumi segala proses yang melibatkan dan terkandung dalam tatacara Jenayah bermula dari penangkapan, pengeledahan, penyiasatan dan akhirnya ke proses pendakwaan.

Oleh yang demikian, daripada akta yang diperuntukkan tersebut boleh difahami dengan jelas bahawa segala proses tatacara Jenayah sama ada ingin menangkap, menggeledah, menyiasat dan mendakwa hanya boleh dijalankan setelah mendapat arahan daripada Ketua Pendakwa Syarie. Ini memandangkan Ketua Pendakwa Syarie adalah pihak yang diberikan kuasa untuk mengawal segala prosiding tersebut kecuali sekiranya ada peruntukan lain yang membenarkan pihak-pihak lain untuk bertindak.

Perkataan *‘kawalan dan arahan ke atas segala pendakwaan dan prosiding jenayah’* tersebut juga boleh diterjemahkan secara khusus antaranya termasuklah mengarahkan pendakwaan sesuatu kes diberhentikan (Ismail, 2024). Seksyen 103 (1) ATJS (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) menyatakan bahawa:

“Pada mana-mana peringkat apa-apa perbicaraan, sebelum penghakiman diberikan. Pendakwa boleh, jika difikirkannya patut, memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang untuk mendakwa tertuduh selanjutnya atas pertuduhan itu; dan sesudah itu semua prosiding atas pertuduhan itu terhadap tertuduh bolehlah digantung dengan kebenaran Mahkamah dan, jika digantung sedemikian, tertuduh hendaklah dilepaskan daripada pertuduhan itu.”

Seksyen 58 (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (APUUI) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) menyatakan bahawa:

“Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah.”

Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, jelas menunjukkan akan kuasa yang diberikan kepada Ketua Pendakwa Syarie sama ada untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah Syariah. Frasa *‘jika difikirkannya patut’* dan *‘menurut budi bicaranya’* memperlihatkan bahawa walaupun kuasa diberikan, namun masih ada ruang budi bicara yang membolehkan Ketua Pendakwa Syarie menilai secara menyeluruh fakta dan keadaan kes sebelum membuat keputusan yang bersesuaian selaras dengan prinsip keadilan Syariah.

Malah, mantan Ketua Hakim Negara, Tengku Maimun Tuan Mat, pernah menyebutkan bahawa keputusan untuk tidak meneruskan pendakwaan adalah kuasa pendakwa raya dan bukannya Mahkamah (Shamsuddin, 2024). Walaupun kenyataan mantan Ketua Hakim Negara tersebut merujuk kepada isu perundangan sivil, namun prinsip ini sejajar dan turut diaplikasikan dalam konteks perundangan Syariah khususnya pendakwaan Syariah, di mana Pendakwa Syarie turut mempunyai budi bicara dalam menentukan hala tuju sesuatu kes.

Namun begitu, kuasa budi bicara yang diberikan kepada Ketua Pendakwa Syarie bukanlah bersifat mutlak. Pelaksanaannya hendaklah dibuat secara berhemah, *bona fide* iaitu dengan jujur serta tidak melibatkan sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa. Dalam masa yang sama, pelaksanaan kuasa tersebut hendaklah selaras dengan prinsip keadilan dan masalah dalam undang-undang Syariah bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara. Ini dikuatkan dengan frasa *“dengan kebenaran Mahkamah”* yang mana kebenaran Mahkamah disini berperanan sebagai mekanisme kawalan bagi menjamin bahawa kuasa pendakwaan tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya.

Justifikasi Penarikan Sesuatu Kes Pendakwaan dan Analisis Kes

Seksyen 103 (1) ATJS (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) menyatakan bahawa:

“Pada mana-mana peringkat apa-apa perbicaraan, sebelum penghakiman diberikan. Pendakwa boleh, jika difikirkannya patut, memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang untuk mendakwa tertuduh selanjutnya atas pertuduhan itu;....”

Frasa *“pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum penghakiman diberikan”* memberikan fleksibiliti waktu kepada pihak pendakwaan menilai dan meneliti setiap fasa dan peringkat dalam proses pendakwaan sebelum membuat apa-apa keputusan yang wajar sepanjang proses tersebut berjalan. Ini bermakna justifikasi penarikan kes oleh pihak pendakwaan bukan hanya tertumpu kepada penilaian sebelum pendakwaan dibuat malah juga aspek-aspek keterangan, kesaksian dan pembuktian sesuatu kes yang akan diguna pakai sepanjang proses pendakwaan berjalan.

Sebelum proses pendakwaan dibuat, menjadi sebahagian daripada tugas seorang pendakwa untuk meneliti dan memeriksa kertas siasatan yang dijalankan. Pemeriksaan ini merangkumi sama ada tindakan-tindakan yang diambil bertepatan dengan undang-undang

tatacara jenayah juga sama ada keterangan-keterangan yang tercatat di dalam kertas siasatan adalah mencukupi untuk sesuatu proses pendakwaan dibuat di mahkamah.

i. Kesilapan Teknikal Dalam Prosedur Siasatan

Justifikasi pertama yang boleh dinilai oleh pihak pendakwaan adalah melibatkan proses teknikal dalam prosedur siasatan. Proses siasatan ini merangkumi proses pengeledahan, penangkapan dan rampasan yang perlu dibuat berlandaskan kepada Akta dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah serta Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan dokumen-dokumen yang dikumpul diterima sebagai keterangan di Mahkamah. Pihak pendakwaan perlu menilai, bagaimanakah proses siasatan itu dibuat ? Adakah tangkapan dibuat dengan waran atau tanpa waran ? Adakah pesalah perlu ditahan ? Berapa lama pesalah di tahan ? dan sebagainya.

Impak daripada proses siasatan dan prosedur yang tidak dibuat dengan betul boleh menjejaskan perjalanan pendakwaan sesuatu kes. Ini boleh dilihat di dalam kes *Kassim @ Osman Ahmad v. Dato' Seri Jamil Khir Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri & ORS*. Di dalam kes ini, pendakwaan tidak diteruskan disebabkan Kassim Ahmad telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk membatalkan dakwaan terhadap dirinya disebabkan kecacatan dalam prosedur siasatan yang dijalankan terhadap beliau. Hal ini telah dicabar oleh pihak Kassim Ahmad dan diterima oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Sivil menyebabkan Jabatan Pendakwaan terpaksa akur dan membatalkan pendakwaan ke atas Kassim Ahmad.

Dalam alasan penghakiman menyatakan bahawa antara kecacatan yang berlaku dalam aspek teknikal siasatan adalah:

- a. Kecacatan dalam penyediaan waran tangkap yang tidak mengikut format Borang 3 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 32 ATJS (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 yang mana perkataan penting pada waran tersebut telah diubah menjadikan waran tangkap tersebut cacat dari segi undang-undang dan oleh itu terbatal serta tidak sah.
- b. Kegagalan membawa orang yang ditangkap ke hadapan Mahkamah tanpa kelengahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 36 ATJS (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Selepas tangkapan dibuat di Kedah, Kassim Ahmad tidak terus dibawa ke Mahkamah Syariah di Kedah mahupun ke Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan. Malah Kassim Ahmad dibawa ke Pejabat JAWI di Kuala Lumpur.
- c. Pelanggaran terhadap kebebasan hak asasi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 5 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan yang mana Kassim Ahmad telah dinafikan hak untuk berunding dengan peguam dan penahanan yang dibuat ke atas dirinya melebihi tempoh 24 jam.

Kes ini memberi suatu tamparan hebat dan pengajaran kepada pihak pendakwaan dalam menilai segenap aspek teknikal siasatan kes terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakan prosiding pendakwaan kerana kesilapan sebegini secara tidak langsung

boleh menjejaskan perjalanan keseluruhan kes (Tajuddin, 2015) walaupun mungkin bukti dan keterangan adalah mencukupi untuk mensabitkan dakwaan ke atas individu tersebut. Kes ini juga memberi justifikasi kepada pihak pendakwaan untuk menarik semula kes sekiranya terdapat unsur-unsur ketidakpatuhan terhadap prosedur siasatan yang dibuat.

ii. Kekurangan Beban Bukti Bagi Menyokong Elemen Pertuduhan

Justifikasi kedua pula melibatkan aspek pembuktian bagi elemen-elemen pertuduhan. Bagi mendakwa seseorang atas suatu kesalahan, pihak pendakwaan perlu memastikan elemen-elemen pertuduhan itu dibuktikan. Keterangan-keterangan ini juga perlu mencapai tahap pembuktian yang melampaui keraguan munasabah bagi membolehkan Mahkamah menjadikannya sebagai asas penghakiman untuk mensabitkan tertuduh dengan kesalahan jenayah Syariah (Shariff, Memperkasakan Prinsip Syariah dalam Pengumpulan Keterangan Dokumen Digital Dalam Kes Jenayah Syariah, 2022).

Contoh yang boleh dilihat adalah melalui kes *Ibrahim Mat Zain* yang mana pada 7 Januari 2022, *Ibrahim Mat Zain* atau dikenali sebagai 'Raja Bomoh' telah dihadapkan ke Mahkamah Rendah Syariah Ipoh bagi menghadapi pertuduhan dibawah Seksyen 14 Enakmen Jenayah Syariah (EJS) (Perak) 1992 atas kesalahan mencela dan menghina agama Islam serta Seksyen 16 enakmen yang sama kerana mengingkari Fatwa Jabatan Mufti Perak (Zahari, 2022) berhubung perbuatannya menjalankan satu ritual menolak banjir di Teluk Intan yang tersebar melalui rakaman video. Namun begitu pada hari sebutan kes, pihak pendakwaan tidak mengemukakan apa-apa pertuduhan disebabkan pihak mereka masih memerlukan masa untuk mengambil keterangan dan siasatan lanjut.

Pada 23 Februari 2022, kes *Ibrahim Mat Zain* sekali lagi telah ditangguhkan dengan kebenaran oleh Hakim selama tempoh dua bulan. Permohonan penangguhan ini dibuat oleh pihak pendakwaan bagi melengkapkan siasatan sebelum mengemukakan kertas pertuduhan (Idris, 2022). Namun begitu setelah dua bulan berlalu iaitu pada 25 April 2022, pihak pendakwaan mengambil keputusan untuk menarik balik kes dan tidak meneruskan pendakwaan ke atas *Ibrahim Mat Zain* (Nur Amalina, 2024). Antara punca yang menyebabkan pihak pendakwaan tidak meneruskan pendakwaan bagi kes ini adalah:

- a. Pembuktian bagi perbuatan yang dilakukan tidak selari dengan teks fatwa menyebabkan kesukaran untuk membuktikan bahawa perbuatan raja bomoh itu telah melanggar fatwa.

Walaupun telah terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak di bawah Seksyen 36 dan Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 pada 3 Ogos 2015 yang telah memutuskan bahawa amalan ritual perbomohan oleh *Ibrahim Mat Zain* tersebut adalah sesat dan haram (Rusli, 2020), namun secara praktisnya fatwa yang diwartakan tersebut tidak bersifat menyeluruh dan gagal disesuaikan dengan upacara terbaru yang berlaku di Teluk Intan (Nur Amalina, 2024). Ini menyebabkan pertuduhan di bawah Seksyen 16 EJS (Perak) 1992 iaitu menghina dan mengingkari pihak berkuasa agama tidak dapat dibuat.

- b. Kesukaran dalam mengenalpasti dan mengesahkan barang kes.

Dalam kenyataan yang diberikan kepada Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), *Ibrahim Mat Zain* menyatakan bahawa beliau hanya membawa sebilah keris dan menggunakan

beberapa jenis air iaitu air simpang tiga, air kolam masjid dan air kepala muda. Manakala terdapat juga barang-barang seperti bertih padi, beras kunyit, beras hijau, kayu dan duit syiling yang turut digunakan dalam upacara tersebut (Nur Amalina, 2024). Oleh yang demikian, barang-barang yang dinyatakan jelas tidak terdapat dalam fatwa yang telah diwartakan menyebabkan tuduhan dibawah Seksyen 16 EJS Perak 1992 juga tidak dapat dibuat. Adapun barang sitaan yang dibuat pada 6 Januari 2022 iaitu selepas tamatnya upacara menolak banjir tersebut juga tidak dapat disahkan secara jelas oleh pihak PPA.

- c. Keraguan terhadap fakta kes berkait dengan tarikh berlakunya kejadian sehingga menimbulkan kesukaran bagi Pendakwa Syarie membuktikan bahawa kejadian tersebut benar-benar berlaku.

Berdasarkan siasatan yang dibuat oleh PPA, tarikh berlakunya upacara tersebut tidak dapat ditentukan sama ada berlaku pada 4 atau 5 Januari 2022 (Nur Amalina, 2024) walhal waktu kejadian menjadi maklumat penting bagi membuat sesuatu pertuduhan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 79 Enakmen Tatacara Jenayah (Perak) 2004. Perkara ini secara tidak langsung akan menimbulkan keraguan dalam pembuktian sekiranya kes ini diteruskan dengan pertuduhan.

iii. **Pertimbangan Berdasarkan Representasi Dari Peguam OKT**

Adakalanya pihak pendakwaan menarik semula kes bukan disebabkan masalah teknikal prosedur siasatan mahupun elemen-elemen pertuduhan sukar dibuktikan tetapi dibuat atas budi bicara dan pertimbangan mereka melalui representasi yang dibuat oleh Peguam Syarie tertuduh.

Representasi merujuk kepada satu surat yang dirujuk kepada pendakwaan negeri atau pusat bagi melampirkan fakta dan faktor kenapa pertuduhan yang dikenakan patut divariasikan kepada pertuduhan yang lebih ringan atau dilepaskan daripada pertuduhan berkenaan (Nazir, 2017). Setelah surat representasi diserahkan, pihak pendakwaan akan menilai kembali keputusan yang perlu diambil sama ada ingin menggugurkan pertuduhan dan menarik semula kes atau tetap meneruskan proses pendakwaan terhadap tertuduh.

Hal ini boleh dilihat berdasarkan kes *Gavin Edward O’Luanaigh* atau *Salahudin Ghaffar* dan *Kiranjit Sidhu* yang telah didakwa atas pertuduhan percubaan khalwat mengikut Seksyen 52 (1) dan Seksyen 29 (1) (b) Enakmen Jenayah Syariah (EJS) (Selangor) 1995 pada 21 Julai 2018 (Omar, 2018). Dalam kes ini, ketika sebutan semula pada 13 November 2018, pihak pendakwaan telah menarik balik pertuduhan yang dikenakan ke atas kedua-dua pihak. Keputusan menarik balik semula pertuduhan dibuat setelah pihak pendakwaan menerima representasi daripada Peguam Syarie tertuduh.

Dalam representasi tersebut, pihak Peguam Syarie OKT telah mengemukakan beberapa alasan bagi pengguguran kes. Antara alasan yang dikemukakan adalah keadaan kesihatan Gavin ketika hari kejadian iaitu baru menjalani pembedahan usus, oleh itu mustahil mempunyai niat untuk melakukan kesalahan jenayah Syariah dan juga status bilangan penghuni di dalam rumah ketika siasatan tidak menimbulkan keraguan dan elemen pendakwaan tidak dipenuhi. Oleh yang demikian, akhirnya pihak pendakwaan

menerima representasi ini dan mengambil keputusan untuk menarik balik kes terhadap OKT.

iv. Menjaga Masalah dalam Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah

Dalam membicarakan soal keadilan dalam Jenayah Syariah, amat ditekankan berkenaan dengan konsep hukuman yang bersifat mendidik dan bukan bersifat menzalimi walaupun tertuduh jelas melakukan kesalahan yang menyalahi Syariat. Apabila keputusan untuk mendakwa dibuat, pihak pendakwaan turut perlu memikirkan masalah disebalik proses pendakwaan yang dibuat sama ada ia mampu memberikan kesedaran dan pengajaran buat masyarakat atau pun sebaliknya.

Berdasarkan kes *Siti Nuramira Abdullah*, pada 21 Julai 2022 merupakan tarikh dimana *Siti Nuramira Abdullah* akan dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur bagi menghadapi pertuduhan diatas tindakannya mengaku menghafal 15 juz Al-Quran dan kemudiannya bertindak membuka tudung dan menanggalkan baju kurung sewaktu membuat persembahan di atas pentas (Alimin, 2022). Namun begitu, pada malam 20 Julai 2022, *Siti Nuramira Abdullah* telah dibebaskan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pembebasan tersebut dibuat setelah Ketua Pendakwa Syarie mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pertuduhan keatas *Siti Nuramira Abdullah*. Ini kerana beliau telah dihadapkan atas pertuduhan Jenayah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dibawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan suasana tidak harmoni dalam kalangan Umat Islam lebih awal iaitu pada 13 Julai 2022. Oleh yang demikian, tindakan pihak pendakwaan menarik semula pertuduhan keatas *Siti Nuramira Abdullah* adalah bagi mengelakkan dia dituduh di dua mahkamah yang berbeza dengan matlamat yang sama. Ini kerana matlamat utama pendakwaan adalah untuk memastikan pesalah dihukum atas kesalahan yang dilakukan. Oleh itu adalah memadai apabila sesuatu kes telah pun diambil tindakan oleh mahkamah Sivil tersebut.

Faktor yang dipertimbangkan oleh pendakwaan juga adalah faktor hukuman yang diperuntukkan dibawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan adalah lebih berat berbanding hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan jenayah Syariah. Hukuman yang lebih berat ini diharapkan dapat memberi pengajaran dan keinsafan kepada OKT agar kembali ke pangkal jalan dan tidak mengulangi akan kesilapan tersebut.

Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang telah dijelaskan tersebut, walaupun mungkin wujudnya kelemahan seperti kesilapan teknikal prosedur siasatan dan kelompongan dalam membuktikan elemen-elemen pertuduhan ini sebagaimana dalam kes *Kassim @ Osman Ahmad dan kes Ibrahim Mat Zain*, tindakan pihak pendakwaan menarik balik kes dan tidak meneruskan pendakwaan adalah langkah sementara bagi mengelakkan tanggapan negatif masyarakat terhadap kelemahan pihak pendakwaan dalam mengendalikan kes.

Namun dari sudut yang lain pula, keputusan menarik balik kes juga adalah menggambarkan kepada masyarakat bahawa proses pendakwaan merupakan suatu proses yang teliti dan memerlukan kepada pembuktian yang sesungguhnya bukan hanya asal boleh. Ini bertepatan dengan sabda Baginda Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

البَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Maksud: *Bukti ke atas orang yang mendakwa, sumpah ke atas orang yang mengingkari tuduhan ke atas dirinya.* (Riwayat Al-Baihaqi dalam Al-Sunan (10/252))

Bahkan tindakan menarik balik kes dalam sesetengah keadaan sebagaimana kes *Gavin Edward O'Luanaigh* dan kes *Siti Nuramirah Abdullah* menunjukkan ketinggian budi bicara dan pertimbangan dari pihak pendakwaan dalam mengendalikan sesebuah kes jenayah Syariah berpandukan prinsip masalah dalam memastikan keadilan dan kepentingan awam terpelihara disamping memartabatkan perundangan jenayah Syariah ke tahap yang lebih dihormati.

Implikasi Penarikan Kes oleh Pendakwa Syarie Terhadap OKT

Seksyen 103 (1) dan (2) ATJS (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) menyatakan bahawa:

“(1) dan sesudah itu semua prosiding atas pertuduhan itu terhadap tertuduh bolehlah digantung dengan kebenaran Mahkamah dan, jika digantung sedemikian, tertuduh hendaklah dilepaskan daripada pertuduhan itu.” (2) Pelepasan sedemikian tidaklah terjumlah kepada suatu pembebasan melainkan jika Mahkamah mengarahkan sedemikian.”

Ini bermakna, apabila pihak pendakwaan mengambil keputusan untuk menarik balik kes maka mahkamah akan menetapkan sama ada OKT akan dilepaskan dan dibebaskan, *discharge amounting to an acquittal* (DAA) atau dilepas tanpa dibebaskan, *discharge not amounting to an acquittal* (DNAA). DNAA bermaksud tertuduh dilepaskan daripada pertuduhan yang dikenakan namun dia tidak dilepaskan sepenuhnya dan mungkin boleh dituduh semula dengan pertuduhan sama dan tiada had masa yang ditentukan bagi pertuduhan semula pada tertuduh. Manakala DAA merujuk kepada seseorang itu tidak boleh dituduh semula dalam pertuduhan yang sama (Bakar, 2023).

Mantan Ketua Hakim Negara juga ada menyebutkan, apabila keputusan (pendakwaan menarik balik kes) tersebut dibuat, mahkamah hanya mempunyai dua pilihan yang terhad sama ada untuk melepaskan dan membebaskan tertuduh, atau melepaskan tanpa membebaskan (Shamsuddin, 2024).

KESIMPULAN

Penarikan sesuatu kes pendakwaan bukanlah sesuatu yang menggambarkan kelemahan terhadap institusi pendakwaan, namun ia merupakan mekanisme keadilan yang diberikan dalam memastikan sesuatu prosiding Jenayah Syariah itu dibuat dengan berpaksikan keadilan. Walaupun kuasa yang luas diberikan kepada Ketua Pendakwa Syarie namun ia bukanlah tiket untuk pihak pendakwaan bertindak sewenang-wenangnya. Keputusan dibuat perlulah mempunyai alasan yang munasabah dan dengan suci hati bagi memelihara keadilan dan kepentingan awam. Malah pihak pendakwaan seharusnya menjadikan justifikasi penarikan kes itu sebagai medan untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan mutu pihak pendakwaan dalam memartabatkan undang-undang Jenayah Syariah.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada warga Kuliyyah Syariah dan Undang-Undang atas penglibatan secara langsung mahupun tidak langsung dalam penulisan artikel ini.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Nurul Shafiqah binti Mohd Azman (Metodologi; Pemilihan data; Analisis formal; Penulisan-draf asal)

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

A.Aziz, S. (2016). *Isu Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Alimin, N. A. (2022, Julai 20). *Artikel*. Didapatkan dari Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/212192/berita/semasa/tiga-faktor-siti-nuramira-tidak-didakwa-ketua-pendakwa-syarie>

Aziz, T. A. (2019). Persediaan Pendakwaan dan Peranan Ketua Pendakwa Syarie di Mahkamah Syariah. *Jurnal Maw'izah*, 86-94.

Bakar, D. S. (2023, September 17). *Rencana*. Didapatkan dari Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/09/lepas-tanpa-bebas-atau-perintah-lepas-dan-bebas/>

Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992.

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Idris, S. H. (2022, Februari 23). *Nasioanl*. Didapatkan dari Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/kes-raja-bomoh-ditangguh/>

Ismail, S. Z. (2024). *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanun Keseksaan (Akta 574).

Kassim @ Osman Ahmad v. Dato' Seri Jamil Khir Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri & ORS, W-01-28-01-2015 (Court of Appeal, Putrajaya December 21, 2015).

- Malaysia, P. K. (2026, April 13). *Prosedur Bagi Kes Jenayah*. Didapatkan dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia: <https://www.kehakiman.gov.my/ms/prosedur-bagi-kes-jenayah>
- Nazir, H. (2017, April). *Artikel*. Didapatkan dari Criminal Lawyer Malaysia: <https://www.criminallawyer-malaysia.com/2017/04/representasi-kepada-pendakwaan.html>
- Nur Amalina, N. S. (2024). Cabaran Pendakwa Syarie Negeri Perak Terhadap Kes Ibrahim Mat Zain (Raja Bomoh). *Asian People Journal*.
- Omar, M. W. (2018, November 13). *Selebriti*. Didapatkan dari Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2018/11/497768/bekas-suami-selebriti-serina-bebas-pertuduhan-khalwat>
- Perlembagaan Persekutuan.
- Rusli, M. F. (2020, Februari 10). *Irsyad Usul Fiqh*. Didapatkan dari Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/932-bayan-linnas-siri-ke-87-upacara-perbomohan-yang-dilakukan-oleh-datuk-ibrahim-mat-zin-raja-bomoh>
- Shamsuddin, N. (2024, Januari 15). *Negara*. Didapatkan dari Kosmo: <https://www.kosmo.com.my/2024/01/15/pendakwa-roya-berkuasa-teruskan-pendakwaan-bukan-mahkamah/>
- Shariff, M. A. (2022). Memperkasakan Prinsip Syariah dalam Pengumpulan Keterangan Dokumen Digital Dalam Kes Jenayah Syariah. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)* (hlm. 27-33). Selangor: Universiti Islam Selangor.
- Yahya, M. H. (2021). *Qawaid Fiqhiyyah Kompas Hidup Bersyariat - 300 Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Kehidupan Sehari-hari*. Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Zahari, B. J. (2022, Januari 7). *Nasional*. Didapatkan dari Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/908843/raja-bomoh-puteri-zaleha-bebas-dengan-jaminan-mahkamah>